



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input checked="" type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input type="checkbox"/> PELBAGAI	10/02/2020
CATATAN		

ISNIN, 10 FEBRUARI 2020

Nasional

Perceraian, kurang mampu antara punca murid tercicir

Kementerian mahu pastikan semua pelajar peringkat rendah sambung belajar ke menengah

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
maserah.amran@bh.com.my

Kubang Pasu: Perceraian ibu bapa atau keluarga yang berpecah belah antara punca sebahagian murid sekolah rendah enggan meneruskan pelajaran ke sekolah menengah.

Sebahagian lagi kanak-kanak yang tinggal berhampiran bandar atau pusat tarikan pelancongan pula memilih untuk bekerja pada usia remaja dan meninggalkan persekolahan peringkat menengah.

Ketua Pengarah Pelajaran, Dr. Habibah Abdul Rahim, berkata murid daripada keluarga kurang mampu juga mengambil keputusan untuk berhenti sekolah atas alasan mahu membantu ibu bapa mencari nafkah.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan ini mahu memastikan tiada lagi murid Tahun Enam tercicir daripada memasuki Tingkatan Satu dan akan memberi sepenuh komitmen terhadap usaha sifar murid keciciran.

"Tahun ini, kita mahu atasi keciciran yang berlaku ketika transisi seperti Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat."

Ada pelajar yang ingin menolong ibu bapa mencari nafkah, kurang berkemampuan selain keluarga berpecah belah antara faktor berlakunya keciciran dalam kalangan murid.

"Selalunya, pelajar di kawasan



Tahun ini, kita mahu atasi keciciran yang berlaku ketika transisi seperti Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat.

Dr. Habibah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Pelajaran

bandar besar dan tempat pelancongan lebih mudah mencari pekerjaan. Mereka tak tunggu sehingga habis sekolah," katanya selepas menghadiri Program Ziarah Cakna Peringkat Kebangsaan 2020 di Kampung Pering, di sini semalam.

Terdahulu, Habibah turut menziarahi dua keluarga kurang berkemampuan dan menyerahkan bantuan barang keperluan dan bahan pembelajaran.

Mengulas lanjut, beliau berkata Program Ziarah Cakna berbebanan memperluas konsep penyayang dan memperkukuh hubungan antara sekolah, ibu bapa dan penjaga.

Program ini dapat mewujudkan budaya baharu lebih positif demi kemenjadian murid.

Selain itu, pelbagai intervensi dilaksanakan jabatan dan agensi kerajaan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi murid kurang bernasib baik supaya mereka berpeluang mendapat pendidikan sewajarnya, katanya.